

## Warga Kerja Berita Kimia

### Ketua Editor:

P.M. Dr. Shajarahtunnur Jamil

### Editor Bersama:

- Dr. Siti Aminah Setu
- Dr. Khairil Juhanni Abd Karim
- Dr. Mohd Fuad Mohamad
- Dr. Nurrulhidayah Salamun
- Pn. Nurul Hajar Sapiren
- Pn. Nur Niqmah Musa
- En. Muhammad Hafizuddin Mokhtar

Terima kasih atas sokongan dan sumbangan info yang diberikan oleh semua yang terlibat.

## Penulisan di Media Massa



#DudukRumah • Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 4 tempoh tamat 10 Hari 01 Jan 07 Minit

Ikuti Berita terkini Covid-19

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU COVID-19

SEMUA SEKSYEN

## COVID-19 buka ruang kreatif ahli sains



Dr. Mohd Bakri Bakar  
Pensyarah Kanan Fakulti Sains,  
Universiti Teknologi Malaysia

Setiap dakwaan perlu mempunyai bukti sains dan fakta sah. Ini penegeasan biasa diberikan Ketua Pengarah Kesihatan ketika sidang media harian berkenaan COVID-19.

Tentunya semua inisiatif perlu dilaksanakan berdasarkan kajian dan data. Dalam konteks ini, peranan sains kritikal mendepani pelbagai persoalan membolehkan pengurusan dan perawatan wabak.

Bagi membendung penularan COVID-19, sains bukan sekadar diperlukan ketika proses pengesanan pesakit atau pembangunan vaksin. Ketahanan sains turut penting dalam urusan seperti pen-

jagaan tahap kebersihan individu atau ketika proses nyah jangkiti di ruang awam.

Justeru, sebarang tindakan, terutama memabitkan masyarakat awam perlu dirujuk kepada pakar termasuk saintis.

Pada masa sama, saintis perlu mengaktifkan komunikasi sains untuk masyarakat bagi mengelakkan salah faham dan melawan pemalsuan fakta.

Mengikut kajian, pengetahuan masyarakat kita dalam sains masih pada tahap rendah walaupun mempunyai minat tinggi.

Kini, COVID-19 membuka ruang kreatif kepada saintis menggunakan pelbagai platform bagi komunikasi maklumat sah dan tepat.

Malah jika dibuat undian ketika ini, saintis termasuk doktor dijangkakan menduduki tangga teratas sebagai profesion paling dipercayai. Bukan sekadar kepercayaan, mereka turut diharap membantu untuk memberi penyelesaian segera.

Dalam hal ini, setiap negara perlu mempunyai kapasiti saintis dan penyelidik mencukupi. Umum tahu kita perlu menguruskan saluran bukat sains daripada peringkat pendidikan hingga kerjaya dengan lebih baik.

Kepentingannya semakin teresah kerana kepakaran dan teknologi tempatan sangat diperlukan untuk membangunkan keah dan penguasaan dan perawatan pesakit.

Penularan COVID-19 memperlihatkan kebergantungan kita kepada pihak luar terhad kerana semua negara mendepani cabaran yang sama.

Agenda penyelidikan negara juga wajar diberi penambahbaikan berterusan. Belanjawan penyelidikan perlu dijangkakan seiring keperluan semasa, manakala keutamaan dalam aspek sains asas seiring dengan kajian eksperimental dan aplikasi.

Bidang kajian juga harus mem-

bolehkan persediaan mendepani jangkitan dan ancaman masa depan. Selain perubahan iklim, kajian penyakit berjangkit seumpama COVID-19 perlu menjadi keutamaan dan diberikan insentif khas.

Kita mengalu-alukan cadangan strategik menubuhkan pusat penyelidikan pembangunan vaksin negara.

Seterusanya, sumbangan dan kerjasama semua pihak, termasuk industri penting bagi memajukan hasil penyelidikan untuk kepentingan bersama.

Selain itu, kesiediaan platform digital turut diuji bagi berkongsi penemuan saintifik secara masa sebarang yang boleh diakses pelusuk dunia.

Menariknya, COVID-19 menyebarkan fokus penyelidikan diberikan kepada satu topik pada satu masa dalam skala besar. Kerjasama global turut dirintis dalam lanskap baharu bagi mengenal pasti kaedah perawatan COVID-19 berkesan.

Misalnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melancarkan Kaji Selidik Solidariti dengan beberapa negara, termasuk Malaysia dipilih untuk kajian keberkesanan ubat COVID-19.

Di sinilah reputasi negara teresah dengan bersama menyumbangkan kepakaran saintifik bagi manfaat global. Seperti aspirasi WHO, inilah masa solidariti dan kerjasama sains berlangsung tanpa sempadan.

COVID-19 pasti menyedikan norma baharu, termasuk memabitkan pembangunan dan perkembangan sains. Dalam semua keadaan, sumbangan dan kemajuan sains tetap diharap untuk manfaat dan kesejahteraan semua.

Tahniah diucapkan kepada Dr. Mohd Bakri Bakar di atas perkongsian tentang perkembangan sains semasa dan langkah-langkah universiti dalam menanggapi cabaran pandemik COVID-19. Semoga bermanfaat. Baca lanjut di

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/680640/covid-19-buka-ruang-kreatif-ahli-sains>

dan

<https://malaysiagazette.com/2020/04/14/universiti-menangani-cabaran-covid-19/>

## Wawancara sempena Hari Bumi di TV3

Pada 23 April 2020, PM Dr Razali Ismail (Pakar Kimia Alam Sekitar UTM) telah diwawancara oleh pihak TV3 bagi mengulas berkenaan kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan sungai-sungai sebagai sumber air bersempena dengan sambutan Hari Bumi yang disambut pada 22 April setiap tahun. Sesi rakaman ini akan disiarkan di Buletin Utama TV3 pada tarikh yang belum ditetapkan. Terima kasih Pejabat Hal Ehwal Korporat UTM dan TV3 Media Prima atas peluang ini.



Sebahagian petugas NGO sedang menyiapkan barangan bantuan untuk penuntut-penuntut yang terkandas di asrama.



**Pindaan Kalender Akademik Sesi 2019/2020**

Pindaan kalender Akademik bagi semester 2 sesi 2019/2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah diluluskan JK Senat pada 2 April 2020. Terdapat beberapa implikasi dari pindaan ini iaitu tambahan tempoh semester dari 31 Mei hingga 3 Julai 2020 tanpa tambahan jam belajar pelajar (SLT) dan fleksibiliti minggu ulangkaji pada 28 Jun hingga 3 Julai 2020 (mengikut keperluan).

9 FEB - 17 MAC 2020	<b>KULIAH LECTURES</b>
18 - 31 MAC 2020	<b>CUTI PERTENGAHAN SEMESTER II MID-SEMESTER BREAK FOR SEMESTER II</b>
1 APRIL - 22 MEI 2020	<b>KULIAH (PEMBELAJARAN DALAM TALIAN LECTURES (ONLINE LEARNING))</b>
24 - 31 MEI 2020	<b>CUTI HARI RAYA AIDILFITRI AIDILFITRI BREAK</b>
31 MEI - 3 JUL 2020	<b>KULIAH LECTURES</b>
5 - 24 JUL 2020	<b>PEPERIKSAAN AKHIR FINAL EXAMINATION</b>
26 JUL - 2 OKT 2020	<b>SEMESTER III / CUTI AKHIR SEMESTER SEMESTER III/ FINAL SEMESTER BREAK</b>

**Tentatif Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi 2019/2020**

- **3 Mei – 17 Mei 2020**  
Penyediaan kertas soalan
  - **18 Mei 2020**  
Bengkel Penilaian Soalan Peperiksaan/Penilaian Alternatif
  - **7 Jun 2020**  
Tarikh akhir penyerahan kertas soalan selepas pembetulan
  - **7 Jun – 14 Jun 2020**  
Semakan akhir soalan peperiksaan oleh Penyelaras Program dan Pengarah
  - **14 Jun 2020**  
Tarikh akhir Pengarah menyerahkan kertas soalan peperiksaan kepada Timbalan Pendaftar
- ★★Semua proses adalah secara atas talian dan berbentuk softcopy

**Aktiviti & Pergerakan Staf**

**Penyediaan #UTMShield Hand Sanitizer bawah Endowmen UTM**



Staf dari Jabatan Kimia telah mempercepat dan meningkatkan produksi #UTMShield Hand Sanitizer yang akan di edarkan kepada barisan hadapan UTM dan para pelajar yang akan pulang ke kampung halaman masing-masing. Sehingga kini, tiga fasa penyediaan hand sanitizer telah berjaya disediakan dan diedarkan. Tahniah sekali lagi atas usaha murni ini!

<https://academicmanagement.utm.my/services/academic-calendar/>

## Pencapaian Staf: Syabas dan Tahniah!

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Dr Faizuan Abdullah kerana telah berjaya didaftarkan sebagai Teknologis Profesional oleh Lembaga Teknologis Malaysia pada 4 April 2020. Semoga terus maju jaya!




## PKP: Cergas di rumah



Selain pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, Fakulti Sains juga telah menganjurkan senam robik atas talian yang telah dikendalikan oleh Pn. Suhani Md Tah. Semoga setiap ahli jabatan sentiasa cergas dan sihat walaupun dalam menjalani perintah kawalan pergerakan (PKP). #StayatHome

## Karya warga Jabatan Kimia



The cover image of the 1<sup>st</sup> issue of UTM Nexus (UTM Research Magazine) was created by Wyn Owen Justin, 2<sup>nd</sup> year student, Bachelor of Science (Chemistry), Faculty of Science. The image was an image of steel wool photography at night near Tasik Ilmu, UTM.

Visit to read more:

<https://online.fliphtml5.com/niewq/xlgw/>

## Sanah Helwah

**Muhammad Hafizzudin Mokhtar**

**(2 April)**

**En. Mohamed Mohd Salleh**

**(13 April)**

**Pn. Fariza Shahrom**

**(16 April)**

**En. Hashim Baharin**

**(30 April)**

## Staf Jabatan Kimia #WFH #KitaJagaKita



Meeting online



## Ziarah online:

Dr Che Rozid Mamat telah dirawat di hospital kerana demam denggi pada 30/4/2020

